

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK ([English Version](#))

Sila baca **Helaian Pendedahan Produk** ini sebelum anda menetapkan untuk memohon Kad Debit Junior Hong Leong.

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Kad Debit.



Kad Debit Junior Hong Leong Bank

Tarikh:

Dikemaskini pada 10 Dis 2024

1. Apakah produk ini?

Kad Debit prabayar boleh tambah nilai ini dikeluarkan kepada Ibu Bapa atau Penjaga Sah anak tersebut. Ini adalah instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barang dan perkhidmatan di kedai dan perkhidmatan yang turut serta melalui rangkaian Visa atau MEPS. Kad Debit Junior (Tambah Nilai) ("JDC") ini juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai di Mesin Juruwang Automatik (ATM). Anda dikehendaki mengekalkan Akaun Simpanan Junior dengan kami, yang akan dipautkan dengan JDC anda. Jika anda menutup Akaun Simpanan Junior yang dikekalkan di Hong Leong Bank ("HLB"), anda tidak boleh melakukan apa-apa transaksi dengan JDC. Pemegang kad hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit HLB dan Terma & Syarat Akuan Junior 3-Dalam-1 Hong Leong yang boleh didapati di laman web Bank sebelum menandatangani perjanjian dan menggunakan JDC.

• Pengeluaran Wang Tunai di ATM

Mengeluarkan wang tunai dalam negara dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang mempamerkan logo MEPS, Visa, PLUS, Mastercard atau Cirrus.

• Kemudahan Pembayaran

Membuat belian di lebih 29 juta peniaga Visa dan Mastercard dalam negara dan luar negara, serta peniaga MyDebit. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat belian dalam talian.

• Penerimaan Visa payWave/PayPass/ MCCS Tanpa Sentuhan

Bayar dengan satu imbasan – cara yang cepat, tanpa sentuhan dan mudah untuk membuat pembayaran.

• Diskaun & Keistimewaan

Nikmati diskauan eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di tempat peniaga terpilih hanya dengan menggunakan JDC.

• Kawalan Kewangan Yang Lebih Sempurna

Fleksibiliti untuk menetapkan "Had Pengeluaran", "Had Belian Runcit", "Had Belian Dalam Talian" dan "Had Tambah Nilai Automatik" bagi anak anda melalui HLB Connect Online atau kunjungi mana-mana cawangan HLB.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila lawati laman web kami www.hlb.com.my/dc2 atau imbas di sini:



3. Apakah terma dan syarat utama?

- Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan JDC untuk pembayaran yang dibuat pada dispenser bahan bakar automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikembalikan dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dengan pihak peniaga dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan JDC anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran.

4. Bagaimana jika saya gagal menuaikan tanggungjawab saya?

Anda mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan JDC.

1. Tanggungjawab Pemegang Kad:

- mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan JDC;
- mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga keselamatan JDC dan PIN pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - mendedahkan butiran JDC atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
 - menulis PIN di atas JDC, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
 - menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir Pemegang Kad, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon; dan
 - memberikan mana-mana orang lain untuk menggunakan JDC dan PIN.
- memaklum kepada HLB secepat mungkin setelah diketahui JDC hilang, dicuri, atau satu transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan atau PIN mungkin telah dikompromi;
- memaklum kepada HLB dengan segera apabila menerima amaran transaksi Paparan Notifikasi melalui Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect ("HLB Connect App") atau Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") jika urus niaga itu adalah tanpa kebenaran;

5. Apakah risiko utama?

- Jangan gunakan PIN/kata laluan yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda untuk mengurangkan penggunaan tanpa izin JDC anda jika JDC anda hilang/dicuri.
- JDC anda hilang/dicuri. Anda hendaklah serta-merta memberitahu Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899** untuk menyekat penggunaan JDC anda sebaik sahaja mengetahui JDC anda hilang atau dicuri atau transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan atau PIN telah dikompromi.
- Anda mesti memaklumkan kepada HLB sebaik sahaja menerima amaran transaksi Paparan Notifikasi melalui Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect ("HLB Connect App") atau SMS jika transaksi itu adalah tanpa kebenaran.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat apa-apa perubahan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda. Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong kami di **03-7626 8899** untuk mengemaskinikan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda.

7. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

- (a) Untuk mendapat maklumat terbaru seperti terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk dan terma & syarat produk kami secara lengkap, sila layari www.hlb.com.my. Sekiranya ditemui apa-apa percanggahan, maka maklumat terbaru dan terma & syarat dalam laman web HLB akan diutamakan.
- (b) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi **03-7626 8899**.
- (c) Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di: Customer Advocacy, Level 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel: 03-7626 8821/03-7626 8802/03-7626 8812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

8. Pakej-pakej Kad Debit lain yang disediakan

- Kad Debit Hong Leong

9. Fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan

• Had Transaksi Tanpa Sentuhan

Transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM250 setiap transaksi ("Had Transaksi Tanpa Sentuhan"). Untuk transaksi tanpa sentuhan RM250 dan ke bawah, anda tidak perlu memasukkan PIN anda selepas menyentuh/mengimbas JDC pada pembaca tanpa sentuhan. Untuk transaksi tanpa sentuhan melebihi RM250, anda diperlukan untuk membuat pengesahan PIN.

• Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan

Kumulatif transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM800 setiap hari atau had lain yang mungkin anda tetapkan ("Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan"). Untuk keselamatan tambahan, sebarang transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN yang mencapai Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan dan anda akan diminta untuk membuat transaksi dengan pengesahan PIN di terminal Tempat Jualan untuk meresetkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda akan diresetkan secara automatik setiap hari atau pada bila-bila masa anda melakukan transaksi dengan pengesahan PIN.

• Menetapkan Had Transaksi Anda

Anda boleh menetapkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda dari RM0 – RM800 melalui HLB Connect, Pusat Panggilan Hong Leong atau dengan melawati mana-mana cawangan HLB/HLISB. Had Transaksi Tanpa Sentuhan dan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan tertakluk kepada dan tidak akan melebihi had Pembelian Runcit yang telah anda tetapkan sebelum ini. Contoh:

Had Pembelian Runcit	Had Transaksi Tetapan Tanpa Sentuhan	Had Kumulatif Tetapan Tanpa Sentuhan
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM1,000	RM250	RM800

10. Transaksi Pembelian Dalam Talian

Apabila Pemegang Kad membuat pembelian dalam talian dengan Kad Debit, Pemegang Kad akan menerima OTP (One-Time Password) 6-digit dengan salah satu cara berikut:

- (a) Melalui OTP Kad Debit dalam HLB Connect App (jika Pemegang Kad berdaftar) atau
- (b) Melalui SMS (jika Pemegang Kad tidak berdaftar dengan HLB Connect App)

Untuk melengkapkan pembelian dalam talian, Pemegang Kad dikehendaki:

- (a) Semak Kad Debit OTP melalui HLB Connect App atau SMS; dan
- (b) Masukkan kod OTP 6-digit pada halaman pembayaran Peniaga

11. Panduan Keselamatan Pemegang JDC PIN & BAYAR

Anda, dan mana-mana pemegang kad tambahan, dikehendaki mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk mencegah JDC dan nombor kad, PIN, kata laluan atau sebarang butiran keselamatan lain untuk kad atau akaun ("butiran keselamatan kad") daripada disalahgunakan atau digunakan untuk melakukan penipuan.

Langkah-langkah pencegahan ini merangkumi:

- tandatangan pada JDC apabila ia diterima dan patuhi sebarang arahan keselamatan;
- lindungi JDC, PIN, dan sebarang butiran keselamatan JDC;
- jangan benarkan sesiapa mengambil atau menggunakan JDC;
- musnahkan sebarang makluman PIN dan sebarang butiran keselamatan JDC;
- jangan tulis nombor PIN atau butiran keselamatan JDC atau mendedahkannya kepada sesiapa termasuk pihakpolis dan/atau kakitangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank;
- jangan benarkan sesiapa melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau ia dipaparkan;
- jangan mengubahsuai JDC;
- semak dengan kerap bahawa JDC masih ditangan anda;
- simpan resit JDC dengan selamat dan lupuskan dengan cermat;
- hubungi kami jika ada sebarang perkara yang mencurigakan atau masalah mengenai penggunaan JDC diterminal; dan
- semak penyata anda dengan kerap dan laporkan mengenai sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera jika:

- JDC anda hilang atau dicuri;
- PIN anda telah terdedah/dikompromi;
- JDC anda ditahan oleh ATM; atau
- Alamat atau maklumat perhubungan anda telah bertukar.

Ada dikehendaki memilih atau menukar PIN anda kepada nombor yang dipilih oleh anda, sebelum PIN boleh digunakan untuk sebarang urusniaga. Pilihan PIN anda mestilah angka yang boleh mengurangkan kemungkinan ia dapat diteka oleh orang lain. Anda perlu mengelakkan PIN yang tidak sesuai seperti:

- tarikh lahir, bulan atau tahun dalam sebarang bentuk atau kombinasi;
- nombor berturutan (seperti 345678) dan gabungan nombor yang mudah dikenali (seperti 111111);
- sebarang kumpulan nombor yang dicetak di atas JDC anda;
- Lain-Lain nombor peribadi yang mudah diperolehi seperti sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nomborkad pengenalan atau lain-lain data peribadi.

Pra-Kebenaran Kad untuk Urusniaga Pembelian Runcit yang Dibuat dengan Peniaga Sah

- Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan JDC dengan Peniaga Sah yang meminta pra-kebenaran?
Apabila anda menggunakan JDC anda pada Peniaga Sah tersebut, peniaga tersebut akan memberarkan jumlah pra-kebenaran pada saat transaksi. Ini dilakukan dengan menghantar amaun pra-kebenaran pada kad bayaran kepada Pengeluar JDC anda.
- Apakah maksud pra-kebenaran?
Pra-Kebenaran adalah pegangan sementara sejumlah amaun tertentu daripada baki tersedia pada kad bayaran. Ia digunakan sebagai pengesahan bahawa kad adalah aktif dan mempunyai dana yang mencukupi untuk transaksi.
- Berapakah amaun yang akan di pra-kebenaran pada JDC saya?
Amaun pra-kebenaran untuk pembelian petrol di pam layan diri ditetapkan kepada RM200 dan untuk Transaksi Belian Runcit yang lain, amaun pra-kebenaran adalah amaun transaksi yang ditetapkan oleh Peniaga Sah dan dipersetujui oleh anda.
- Bagaimana jika amaun sebenar yang diurusniagakan adalah kurang daripada amaun pra-kebenaran?
Amaun pra-kebenaran bukan caj dan tidak ada dana yang didebitkan daripada akaun JDC, tetapi baki yang tersedia ada pada JDC dikurangkan buat sementara waktu dengan amaun pra-kebenaran. Setelah anda berurusniaga, amaun sebenar akan dihantar ke bank pengeluar anda. Pada tahap ini, amaun sebenar akan didebitkan dari akaun JDC, dan amaun pra-kebenaran akan dijelaskan. Walau bagaimanapun, ini mungkin mengambil masa sehingga dua puluh satu (21) hari kalender selepas transaksi dan pra-kebenaran dijana.
- Bagaimakah jika dana tersedia saya kurang dari amaun pra-kebenaran atau jika saya ingin mengelakkan penahanan dana atas kad saya?
Anda tidak boleh meneruskan transaksi anda jika amaun pra-kebenaran anda lebih daripada dana anda yang tersedia. Untuk pembelian petrol, jika anda ingin mengelakkan pra-kebenaran di pam layan diri, anda dinasihatkan agar membuat pembayaran di kaunter juruwang kios petrol di mana amaun pembelian sebenar akan ditolak daripada akaun anda.

JDC dengan Ciri Tanpa Sentuhan

Kad tanpa sentuhan adalah cara yang mudah dan pantas untuk membayar dan membolehkan anda membuat pembelian setiap hari dengan cepat dan selamat dengan hanya mengimbas JDC anda yang diupayakan dengan ciritanpa sentuhan di mana-mana sahaja anda melihat simbol tanpa sentuhan universal.

- **Bagaimana kad tanpa sentuhan saya berfungsi?**

Fungsi tanpa sentuhan merangkumi cip komputer terbenam dengan antena yang menghantar isyarat tanpa wayardalam jarak dekat tanpa sentuhan di antara terminal peniaga dan JDC tanpa sentuhan. Untuk membuat pembayaran, anda hanya perlu mengimbas JDC anda dengan ruang tanpa sentuhan kepada terminal pembaca apabila diarahkan. PIN atau tandatangan tidak diperlukan untuk transaksi tanpa sentuhan sehingga RM250 di Malaysia.

Ciri-ciri Keselamatan

- **JDC sentiasa di tangan anda**

Langkah keselamatan paling mudah untuk JDC tanpa sentuhan adalah ia mestilah sentiasa di tangan anda. Olehkerana anda mengawal pembayaran, orang lain tidak berpeluang untuk melakukan leretan berganda atau membuat salinan JDC semasa anda tidak melihat.

- **Cip selamat untuk menghalang pemalsuan**

JDC tanpa sentuhan adalah selamat sama seperti JDC yang didayakan cip yang lain dan memiliki tahap keselamatan pelbagai peringkat untuk menghalang pemalsuan. Setiap transaksi tanpa sentuhan merangkumi kod unik yang dijana oleh cip yang terdapat di dalam JDC, yang berubah dengan setiap pembelian, sekali gus menghalang penipu daripada memainkan semula maklumat yang dibaca daripada cip untuk membuat pembayaran.

- **Pengesahan Pemegang Kad untuk pembelian bernilai lebih tinggi**

Memandangkan teknologi tanpa sentuhan direka untuk menawarkan pemegang-pemegang kad kepentasan dan kemudahan semasa transaksi di kaunter juruwang, anda tidak perlu menandatangan atau memasukkan PIN untuk transaksi tanpa sentuhan yang berjumlah sehingga RM250 di Malaysia. Sekiranya jumlah transaksi melebihi RM250, anda masih boleh mengimbas JDC tetapi akan diminta untuk memasukkan PIN anda atau akandiminta menandatangani resit.

- **Tiada Liabiliti Pemegang Kad untuk Pembelian Tanpa Sentuhan**

Seandainya berlaku penipuan, anda tidak akan dipertanggungjawabkan untuk caj yang dibuat secara penipuan tersebut atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa sentuhan pada cip JDC anda. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera atau sebaik sahaja menyedari atau mengesyaki terdapat penggunaan tanpa kebenaran atau aktiviti yang mencurigakan. Bagaimanapun, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai semasa melindungi JDC atau PIN anda.

Soalan Lazim

1. **Bolehkah saya membuat pembayaran tanpa disedari apabila saya melintasi terminal pembaca tanpa-sentuhan?**

JDC tanpa sentuhan mestilah berada dalam jarak amat dekat bagi membolehkan pembaca tanpa sentuhan di juruwang untuk berfungsi. JDC tanpa-sentuhan anda hanya boleh digunakan apabila JDC berada dalam jarak 4sm daripada pembaca tanpa sentuhan. Bukan itu sahaja, terminal pembaca perlu difungsikan oleh juruwang dan ia hanya akan berlaku apabila juruwang memulakan urusan transaksi di terminal untuk menerima bayaran. Jika terminal pembaca tanpa sentuhan tidak memproses sebarang transaksi, ia tidak akan membaca sebarang kad tanpa sentuhan yang berada berhampiran dengannya secara tidak sengaja.

2. **Apakah yang berlaku jika saya secara tidak sengaja mengimbas JDC saya dua kali pada terminal pembaca tanpa sentuhan?**

Terminal pembaca tanpa sentuhan hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun JDC tanpa sentuhan telah diimbas secara tidak sengaja lebih daripada sekali, anda hanya akan dibilang sekali untuk transaksi tersebut.

3. **Apakah yang berlaku jika saya memiliki lebih daripada satu kad tanpa sentuhan di dalam dompet dan saya menyentuh dompet saya pada terminal pembaca tanpa sentuhan?**

Jika anda memegang kad anda kepada terminal pembaca dan anda mempunyai kad dengan ciri tanpa sentuhanyang lain berdekatan, terminal pembaca mungkin mengesan lebih daripada satu kad dan tidak akan melengkapkan pembayaran. Anda perlu melakukan transaksi tersebut sekali lagi. Anda harus memastikan anda hanya memegang satu kad pada terminal pembaca dan sentiasa mengeluarkannya dari dompet anda.

4. **Apakah yang berlaku jika penipu membaca JDC saya dengan meletakkan terminal pembaca tanpa-sentuhan berhampiran dompet saya?**

Dalam situasi yang tidak mungkin berlaku di mana butiran peribadi JDC tanpa sentuhan dapat dibaca oleh penipu menggunakan terminal pembaca tanpa sentuhan yang berhampiran dengan poket atau dompet anda, ciri keselamatan telah tersedia untuk mencegah penggunaan tanpa kebenaran butiran keselamatan kad yang telah dicuri. Setiap transaksi tanpa sentuhan merangkumi kod unik yang berubah dengan setiap pembelian, yang hanya boleh digunakan sekali sahaja dan hanya boleh dijana oleh cip di dalam JDC tanpa sentuhan yang asal, dan mencegah JDC palsu daripada dihasilkan menggunakan butiran keselamatan kad yang dicuri. Sekiranya berlaku penipuan, anda tidak akan bertanggungjawab untuk caj penipuan atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa sentuhan pada kad cip anda. Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan serta-merta atau secepat mungkin tentang sebarang penggunaan JDC yang tidak dibenarkan atau sebarang aktiviti yang mencurigakan.

5. **Bolehkah penipu mencuri JDC saya dan menggunakan untuk mengosongkan akaun bank saya?**

Langkah keselamatan telah tersedia untuk menghalang penggunaan JDC tanpa sentuhan yang hilang atau dicuri oleh mana-mana penipu. Terdapat had transaksi tanpa sentuhan yang rendah sebanyak RM250, jika melebihinya, transaksi tidak boleh dibenarkan tanpa pengesahan pemegang kad – pengesahan PIN atau tandatangan. Transaksi akan dianalisa oleh pengeluar kad dan rangkaian pembayaran global dalam masa-sebenar untuk mengenal pasti corak penipuan dan mengesan transaksi yang mencurigakan.

Maklumat yang diberikan dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada 10 Dis 2024.